

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ [ PASIR MAS - PAS ]**

**TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)**

**SOALAN (NO. 116)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah selain menyediakan latihan sukan kepada Orang Kelainan Upaya (OKU) di Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik, Kementerian berkenaan juga menyediakan perkhidmatan terapi dan pemulihan khas kepada mereka di pusat tersebut.

SULIT

## JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Institut Sukan Negara (ISN) sentiasa mengambil berat akan keselamatan atlet-atlet kelainan upaya dengan menitikberatkan langkah-langkah pencegahan dan pemulihan semasa latihan, dalam pertandingan dan selepas pertandingan melalui bantuan penyediaan rawatan klinikal dan rawatan pemulihan kecederaan sukan yang disediakan di Pusat Latihan di Bukit Jalil.
2. Justeru itu, dengan adanya Kompleks Kecemerlangan Sukan Paralimpik Malaysia di Kampung Pandan, ia akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan perubatan sukan khusus untuk atlet-atlet yang menjalani latihan di kompleks berkenaan termasuk perkhidmatan terapi dan pemulihan khas yang akan diberi keutamaan. Dijangkakan perkhidmatan perubatan sukan akan bermula selepas tamat kejohanan Sukan Para Komanwel di Glasgow iaitu dalam bulan Ogos 2014.
3. Perkhidmatan sokongan sains sukan khusus untuk golongan atlet kelainan upaya juga akan dilaksanakan secara berperingkat. Antaranya seperti kemudahan gimnasium khas untuk latihan suaian fizikal, ujian-ujian fisiologi dan kaedah "recovery" selepas latihan, perkhidmatan psikologi sukan, ujian-ujian biomekanik dan analisa perlawanan dan juga khidmat nasihat pemakanan seimbang serta pengendalian kafeteria khas untuk menyediakan makanan-makanan yang seimbang dan berkualiti yang akan membantu meningkatkan prestasi sukan. Pemakanan yang khusus

**SULIT**

juga disediakan terhadap atlet-atlet yang mempunyai masalah kesehatan seperti masalah kolestrol, diabetes dan tekanan darah tinggi.

Sekian, terima kasih.